



SUASANA orang ramai yang menyebu pasar bebas anjuran UPM, semalam.

Pasar percuma

Oleh Noriah Idris

norih@hmetro.com.my

Serdang

Lebih 500 pelanggan menyebu pasar bebas di Dewan Besar Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini, semalam.

Menerusi pasar bebas itu, konsep diperkenalkan ialah barangan atau perkhidmatan diberi percuma tanpa memikirkan soal keuntungan bermula jam 9 hingga 11 pagi dengan syarat orang ramai membawa barangan yang hendak disumbangkan tanpa perlu mengasingkan terlebih dulu.

Mereka membiarkan pelanggan memilih barangan dikehendaki sama ada sesuai diambil atau sebaliknya.

Ketua penyelaras pasar



RAFIDAH

bebas itu Rafidah Sadaruddin berkata, program kemasyarakatan berkenaan berjaya memupuk nilai murni untuk menyumbang apa yang mampu, termasuk tenaga, kemahiran atau har-

ta kepada golongan memerlukan.

“Kami mensasarkan anak yatim, fakir miskin, warga emas, ibu tunggal, gelandangan atau mereka yang tersepit dengan kos sara hidup tinggi sebagai pelanggan, malah tidak mustahil sesengah barangan yang sukar dijumpai ada di pasar bebas berkenaan.

“Ada kalangan penyumbang mengumpul barangan baru atau terpakai kerana dia tiada keperluan untuknya lalu memberi kepada pengunjung,” katanya.

Rafidah yang juga pegawai psikologi universiti berkenaan berkata, antara perkhidmatan yang mendapat sambutan memberangsangkan ialah menggunting rambut secara percuma, bergambar dengan ular, melukis potret, urutan korporat dan pertunjukan silap mata.